

UKM rintis menyelidiki program latihan industri

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) muncul universiti awam (UA) pertama bekerjasama dengan World Bank Group Global Knowledge and Research Hub in Malaysia untuk menjalankan penyelidikan menerusi program rintis latihan industri yang ditawarkan untuk dua pelajar pascasiswazah universiti itu.

Projek penyelidikan itu meliputi pelbagai aspek ekonomi seperti kewangan, pertumbuhan ekonomi, pengurangan tahap kemiskinan, perlindungan sosial dan buruh.

Naib Canselor UKM, Prof

Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata program penyelidikan itu akan dikemudi kedua-dua pihak dan UKM akan diwakili Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS).

Pilih calon paling layak
Katanya, sebuah panel daripada kedua-dua pihak akan ditubuhkan untuk memilih calon paling layak untuk menyertai program yang bermula April depan berdasarkan pencapaian akademik, profesional serta kepimpinan masing-masing.

"Diharapkan program ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak ke-

rana ia bukanlah satu latihan industri biasa, tetapi membabitkan penyelidikan yang dijalankan bersama," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani surat perjanjian dengan World Bank Group Global Knowledge and Research Hub in Malaysia, di UKM, semalam.

Pada majlis itu, Noor Azlan mewakili UKM, manakala World Bank Group Global Knowledge and Research Hub in Malaysia diwakili Pengurusnya, Faris A Hadad-Zervos yang disaksikan Putera Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Zain Al-Abidin Tunku Muhriz,